

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN 2015**

**YBHG. DATO' SRI ZOHARI HJ AKOB
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

**PADA 27 OKTOBER 2015 (SELASA),
DI
BILIK TANJUNG, ARAS 6,
BLOK A, KOMPLEKS KERJA RAYA.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.



YBrs. Tuan Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)



YBrs. Tuan Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)



Ybhg. Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)



YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)



YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Para Panel Penilai,

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Satu Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat sekali lagi bersama-sama di

Majlis Perasmian Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya 2015 pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya menganjurkan Konvensyen KIK peringkat KKR tahun ini. Juga tidak lupa kepada YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang begitu komited dalam menjayakan konvensyen KIK kita pada kali ini.

PENGENALAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Menyorot kembali sejarah pelaksanaan Konvensyen KIK ini, ianya telah bermula sejak tahun 2006 yang dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dan sejajar dengan perkembangan era langit terbuka, Konvensyen ini dijenamakan semula sebagai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) mulai tahun 2010. Perubahan nama ini bukanlah sekadar retorik teks semata-mata bahkan lebih daripada itu, ia turut mencerminkan aspirasi tulus kerajaan dalam menjayakan gagasan transformasi yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2009.

4. Sepanjang tempoh tersebut, dapat kita sama-sama perhatikan sejumlah idea serta sumbangsaran dengan elemen inovasi serta kreativiti berjaya ditonjolkan dalam kalangan warga KKR. Hal ini membuktikan betapa pepatah melayu yang mengatakan "Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya" adalah bertepatan dengan konteks semasa di KKR. Kementerian ini dengan sedaya upaya cuba menyediakan pentas untuk warganya berkarya serta mencurahkan segenap kreativiti dan daya inovasi yang terpendam untuk dimanfaatkan demi kepentingan perkhidmatan keseluruhannya.

KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sepertimana kita sedia maklum, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi penjanaaan lebih banyak idea-idea baharu untuk kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Pelaksanaan KIK ini dapat mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian.

6. Pelan Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Plan*), Rancangan Malaysia ke-11 dan Pengumuman Bajet 2016 adalah merupakan segmen penting untuk disahut oleh warga KKR dalam mendepani cabaran dalaman dan luaran ke arah merealisasikan usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh kurang lima tahun lagi.

7. Malah, saranan oleh kepimpinan tertinggi negara supaya semua penjawat awam di setiap peringkat memiliki kapasiti intelektual serta nilai kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam memastikan paradigma perkhidmatan awam terus terpacu ke mercu yang lebih cemerlang wajar disambut secara positif dan optimis oleh seluruh warga KKR.

8. Bagi maksud tersebut, instrumen penting yang perlu dipastikan dalam menjamin kesinambungan kreativiti dan inovasi adalah kesediaan Kementerian, Jabatan dan agensi kerajaan untuk berkongsi sumber dan tidak lagi bekerja secara silo sebaliknya mengupayakan kolaborasi strategik dalam kalangan jabatan dan agensi awam.

TEMA: INOVASI MEMACU PRODUKTIVITI

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tema Konvensyen kali ini iaitu "Inovasi Memacu Produktiviti" adalah merupakan semangat yang mendasari agenda transformasi perkhidmatan awam yang sedang giat dilaksanakan. Transformasi terhadap rantai nilai ekonomi yang lebih tinggi memerlukan lebih banyak cetus inovasi dan lonjakan produktiviti. Justeru, pelbagai inisiatif transformasi memerlukan komitmen sektor awam untuk mewujudkan dan memperoleh produk serta proses yang inovatif, di samping mencipta dan menggunakan kaedah pengurusan yang lebih efektif.

9. Bagi memastikan inovasi yang telah dihasilkan kekal lestari, penganjuran Konvensyen KIK tidak harus dilihat sebagai satu acara tahunan semata-mata yang hanya disertai oleh peserta-peserta konvensyen. KIK seharusnya dijadikan satu mekanisme yang melibatkan penyelesaian masalah, atau penambahbaikan proses kerja dan standard yang sedia ada, atau memperkenalkan sesuatu yang baharu. KIK juga menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan. Produk akhir KIK perlu menjurus kepada penghasilan output dan outcome yang berkualiti. Dengan itu, impak dan sumbangan KIK terhadap pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara, pembangunan sosial serta kesejahteraan rakyat akan lebih berkesan dan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.

PERTANDINGAN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan KIK yang akan mewakili Kementerian ke Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan pada tahun ini yang dijadualkan berlangsung pada 24 hingga 26 November 2015 di Kuantan, Pahang.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, syabas dan tahniah sekali lagi kepada kumpulan-kumpulan yang menyertai Konvensyen KIK Kementerian Kerja Raya pada tahun ini.

14. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menganjurkan Konvesyen KIK KKR pada hari ini dengan jayanya.

Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya Tahun 2015.

Sekian, terima kasih.